

Pelancongan di Malaysia

BH - 2 JUN 2000

murah: PM

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Fazli Arman

LANGKAWI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia menawarkan persaingan lebih kompetitif dari segi harga serta pelbagai kemudahan industri pelancongan bagi menarik pelancong dan pelabur.

Perdana Menteri berkata, berbanding sesetengah negara termasuk Singapura, kos melancong di negara ini adalah rendah, manakala pelbagai kemudahan yang disediakan menguntungkan pelabur.

Dengan memberikan contoh Langkawi, beliau berkata, pelancong boleh menikmati percutian dengan kos paling rendah berserta kemudahan penginapan di hotel bertaraf lima bintang.

"Kos di sini adalah rendah. Anda tidak percaya bahawa hotel lima bintang yang antara terbaik di dunia mengenakan kadar kurang separuh daripada AS\$100 dolar (RM380).

"Kita memperuntukkan sejumlah wang yang besar kepada Langkawi untuk memajukannya. Pelancong boleh menikmati percutian dengan kos paling rendah. Bukan saja harga barang di sini rendah kerana bebas cukai, malah kos operasi juga sangat rendah.

"Justeru, kita yakin boleh lebih komoetatif berbanding Singapura kerana kos operasi di negara itu sangat tinggi dan kos sara hidupnya juga tinggi.

"Sebuah rumah yang dijual pada harga sejuta dolar (di Singapura) boleh dibeli pada harga kira-kira RM300,000 di Malaysia... kira-kira satu pertiga saja," katanya hari ini.

Beliau ditemubual oleh

“

Pelancong boleh menikmati percutian dengan kos paling rendah. Bukan saja harga barang di sini rendah kerana bebas cukai, malah kos operasi juga sangat rendah. --.

wakil majalah 'Free Duty' sebuah majalah antarabangsa mengenai industri pelancongan ketika melawat projek Oriental Village, di Teluk Burau.

Dr Mahathir berkata, selain Langkawi ada pulau lain di Pantai Timur yang boleh dimajukan untuk destinasi pelancongan.

Selain itu, menurutnya, keindahan Malaysia serta pelbagai kemudahan pelancongan yang sentiasa dipertingkatkan, ciri-ciri keselamatan di negara ini menjadikan Malaysia sangat kompetitif.

Sementara itu, ketika bercakap kepada wartawan tempatan, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menimbangkan pembinaan kereta kabel di Gunung Machincang untuk menjadikannya daya tarikan baru ke pulau ini.

Katanya, projek itu dilaksanakan jika memberi pulangan setimpal berbanding kos yang dibelanjakan. Mengikut jangkaan awal, projek terbabit bakal menelan belanja kurang daripada RM50 juta.

"Banyak benda boleh kita lihat di atas gunung itu esok (akan datang), seperti berada di atas dunia," katanya.

Terdahulu beliau mende-

dangkan pembinaan kereta kabel berkenaan.

Projek yang dikendalikan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) itu menghubungkan gunung setinggi 700 meter dengan Oriental Village yang akan dibuka tidak lama lagi.

Dalam taklimatnya, Pengerah Urusan Wyes Planning Consultants, Dr Peter A Wyes, berkata projek terbabit mampu menjadi day! tarikan utama ke pulau bebas cukai ini.

Syarikat itu dilantik oleh Lada bagi menjalankan kajian berhubung daya maju projek. Syarikat perunding itu mencadangkan penggunaan kereta kabel jenis gondola yang mampu membawa enam penumpang bagi setiap kereta.

Wyes memberi jaminan projek itu bersifat mesra alam kerana tidak akan membabitkan pemetongan bukit serta penebangan pokok.

Pada sebelah pagi, Perdana Menteri turut meluangkan masa melihat model projek Menara Intan Langkawi yang ditempatkan di Kampung Tok Senik Resort.

Projek yang akan dilaksanakan di kawasan tebus guna di Pekan Baru Kuah itu merangkumi pusat persidangan, hotel lima bintang dan kondominium.